

**PENENTU PENCAPAIAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR-PELAJAR
PROGRAM SEPENUH MASA DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM: SATU
KAJIAN KES DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK**

OLEH:

ASIAH BT. YUSOP	98065617
NORAINI BT. ADEN	98065782
HABSAH BT. MAWIE	97041448
JESSICA JAU IMANG	97041727
FAIZALINI BIN JOHNY	97041343

**Kertas Projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang
bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapat Diploma Pentadbiran
Awam**

KURSUS DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK**

APRIL 2001

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai penentu pencapaian prestasi akademik pelajar-pelajar program sepenuh masa Diploma Pentadbiran Awam (DPA) di mana kajian kesnya bertempat di Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan, Sarawak. Ianya dilihat dalam konteks untuk mengenal pasti punca masalah dan mencari penyelesaian yang bersesuaian di dalam mengatasi setiap masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar DPA. Perkara ini amat penting kerana ianya adalah penentu bagi setiap pencapaian prestasi akademik mereka. Objektif utamanya adalah untuk menganalisa setiap faktor-faktor sama ada dalaman atau luaran dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang strategik untuk mengawal fenomena ini daripada berterusan. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang responden yang dipilih sama ada melalui kaedah pemerhatian, temuduga dan pengedaran borang soal selidik. Ujian untuk penganalisaan data adalah menggunakan program *Statistical Package for Social Science 7.5 for Window (SPSS)*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa (a) Penyesuaian aktiviti sebagai mekanisme keberkesanan peningkatan prestasi. (b) Persepsi pelajar yang menjurus ke arah pemilihan program Diploma Pentadbiran Awam. (c) Pengaruh persekitaran terhadap pencapaian prestasi akademik pelajar. (d) Kepelbagaian teknik pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah penentu ke arah pencapaian prestasi akademik pelajar. Kesimpulannya, masalah yang wujud di dalam diri pelajar-pelajar DPA adalah disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran di mana ianya wujud di dalam diri mereka sendiri, suasana persekitaran dan perhubungan dengan orang lain yang menjadi penentu pencapaian prestasi akademik mereka. Kuasa penentu ini merupakan jentera yang berfungsi ke arah peningkatan atau penurunan prestasi akademik pelajar-pelajar DPA.

ISI KANDUNGAN

Topik	Mukasurat
Surat	
Abstrak	
Biodata Diri Penyelidik	i
Perakuan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	x
Senarai Lampiran	xi

BAB 1 PENGENALAN KAJIAN

1.0	Latar Belakang	1
1.1	Penyataan Masalah	3
1.2	Objektif Kajian	5
1.3	Skop Kajian	6
1.4	Hipotesis Kajian	7
1.5	Andaian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Halangan Kajian	10

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.0 LATAR BELAKANG

Universiti Teknologi Mara (UiTM) adalah sebuah universiti yang terbesar di Malaysia. Kampus induk universiti ini bertempat di Negeri Selangor iaitu Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. UiTM mempunyai sebanyak 12 kampus di seluruh negeri di mana pelajar-pelajar boleh mengikuti pengajian mereka sama ada di peringkat sijil, diploma, ijazah, master atau phd. Kampus-kampus tersebut ialah:

1. Universiti Teknologi Mara, Kampus Kota Kinabalu, Sabah.
2. Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan, Sarawak.
3. Universiti Teknologi Mara, Kampus Arau, Perlis.
4. Universiti Teknologi Mara, Kampus Dungun, Terengganu.
5. Universiti Teknologi Mara, Kampus Alor Gajah, Melaka.
6. Universiti Teknologi Mara, Kampus Segamat, Johor.
7. Universiti Teknologi Mara, Kampus Jengka, Pahang.
8. Universiti Teknologi Mara, Kampus Sri Iskandar, Perak.
9. Universiti Teknologi Mara, Kampus Machang, Kelantan.
10. Universiti Teknologi Mara, Kampus Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
11. Universiti Teknologi Mara, Kampus Sungai Petani, Kedah.
12. Universiti Teknologi Mara, Kampus Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

BAB 2

TINJAUAN KARYA

2.0 PENGENALAN

Pendidikan tinggi bukan sahaja berfungsi untuk membekalkan ilmu sebanyak mungkin menerusi aktiviti perkuliahan kepada pelajar, tetapi juga dilihat sebagai gedung yang menyediakan seseorang itu anjal dan interaktif dalam sistem masyarakat yang bakal dimasuki. Justeru, aktiviti pemantapan insan yang dilakukan di universiti meliputi keseluruhan aspek yang mendasari pemikiran dan tingkahlaku mahasiswa. Corak sosialisasi dan gubahan sendiri mahasiswa bakal menyaksikan sejauhmanakah mereka itu telah menyebatkan ilmu dan latihan kematangan kehidupan yang diterima di universiti.

Yang menarik menerusi aktiviti kemantapan sendiri ini ialah bagaimana mahasiswa universiti membentuk set pemikiran mereka dan seterusnya menterjemahkannya menerusi tingkahlaku. Ada pendapat mengatakan bahawa penawaran kursus di universiti yang membolehkan seseorang itu menjadi lebih matang dan lebih "*broadminded*" (Robiah Sidin, 1986). Proses mendalami ilmu merupakan akar kepada proses pemikiran untuk melahirkan seseorang insan yang berguna dalam bidangnya. Oleh yang demikian, universiti terpaksa berdepan dengan tanggungjawab akademik yang jauh lebih utama, di samping peranan-peranan lain sebagai pusat perundingan, penyelidikan dan menunaikan tanggungjawab sosialnya.